



RODAT

PENGENALAN

Malaysia adalah sebuah negara yang kaya dengan seni persembahan warisan Melayu tradisional yang masih aktif hingga kini dan tidak kurang juga sebahagian daripadanya hanyut dibawa arus kemodenan. Namun pun begitu setiap negeri di Malaysia mempunyai identiti seni budaya mereka tersendiri yang masih kekal dan dikembangkan hingga ke hari ini. Kalau kita lihat di negeri Kedah masih kedengaran Ghazal Parti, Pulau Pinang rancak dengan dendangan boria, Selangor nyaring dengan keroncong, Melaka asyik dengan dondang sayang, Johor tangkas dengan tarian kuda kepang, Kelantan popular dengan dikir barat serta wayang kulit, manakala di Terengganu pula unik dengan kelembutan lenggok dan nyanyian rodats.

Rodats merupakan hiburan tradisi yang mempunyai fungsi sosial berhubung dengan pengisian kehidupan bermasyarakat. Pantun dan sajak yang dinyanyikan dalam persembahan rodats mempunyai peranan dan pengaruh yang agak signifikan. Dalam konteks ini, pantun dikonsepsikan sebagai satu bentuk nasihat, adat, berbudi bahasa, jenaka, kasih sayang yang disampaikan dalam bahasa yang berirama serta indah dan mengasyikkan.

Seni persembahan tradisional ini adalah satu bentuk persembahan kesenian yang popular di kalangan masyarakat di Terengganu. Rodat biasanya dipersembahkan di dalam majlis-majlis perkahwinan, kenduri-kendara, berkhatan, musim menuai, hari Keputraan Sultan dan di pesta-pesta kebudayaan. Seni persembahan tradisional ini dipersembahkan dalam bentuk tarian, nyanyian serta paluan alat muzik yang dipanggil rebana tar atau tar rodan.



Persembahan Rodat

ASAL USUL

Seni warisan pusaka nenek moyang ini telah mengalami pelbagai perkembangan dan pembaharuan. Daripada sudut sejarahnya pula, hingga ke hari ini tiada satu pun catatan yang dapat membuktikan bila dan dari mana asalnya rodan yang telah wujud di negara ini amnya dan di negeri Terengganu khususnya.

Namun begitu, menurut satu catatan di dalam Buletin Warisan (Mac 1979), Persatuan Sejarah Malaysia Terengganu ada menyebut bahawa di awal abad ke 19 didapati telah ada pedagang-pedagang dari Sambas dan Pontianak telah datang ke Terengganu untuk membeli budu, songket serta perkakas. Anak-anak kapal berkumpul dalam kumpulan lebih kurang 20 orang sambil menyanyi-nyanyi (rodan) diiringi dengan sebuah alat muzik yang dipanggil rebana tar hingga lewat malam. Alunan lagu (rodan) serta suara lunak bersama-sama tepukan alat muzik tersebut, telah menarik penduduk tempatan (Terengganu) untuk mempelajari persembahan ini sehingga ianya menjadi sehati dan tersohor serta telah berkembang dalam masyarakat Terengganu khususnya.

Sesetengah pendapat ada menyatakan bahawa seni persembahan rodan ini berasal dari Tanah Arab. Kenyataan ini diperkukuhkan lagi apabila dilihat perkataan rodan itu sendiri wujud dalam perbendaharaan kata Arab yang membawa maksud berulang-alik, bersahut-sahutan, bersatu kembali atau juga berbalas-balas. Selain daripada itu, bersahut-sahutan, bersatu kembali atau juga diungkap dalam bahasa Arab di mana isinya dipetik dan disalin daripada sebuah kitab yang diberi nama hadrah. Apa yang lebih menarik untuk diperkatakan tentang seni tradisional rodan ini adalah keunikan dari segi persembahan dan mesej yang ingin disampaikan serta diperkuatkan lagi dengan seni yang berunsurkan Islam serta sangat dihormati kerana merakamkan pujian kepada Tuhan dan sejarah hidup para Rasul.

Dipercayai bahawa kawasan atau kampung yang mula-mula diperkenalkan seni rodan di daerah Kuala Terengganu adalah di Kampung Pasir Panjang dan Gong Tok Nasek. Setelah seni rodan ini masyhur dan popular di kalangan penduduk di Kuala Terengganu, ianya telah tersebar di tempat-tempat lain seperti di Kampung Surau Pangjang, Baladau, Kepong, Paya Resak dan beberapa tempat lain lagi. Pada hari ini, hanya terdapat beberapa buah kumpulan rodan sahaja yang masih aktif menjalankan aktiviti persembahan ini terutamanya di daerah Kuala Terengganu. Sebahagian yang lain telah berkubur begitu sahaja tanpa diwariskan kepada golongan muda.

PERSEMBAHAN RODAN

Umumnya persembahan rodan terdiri daripada beberapa peringkat atau fasa persembahan. Namun pada dasarnya di awal penubuhan kumpulan rodan di Terengganu hanya terdapat dua watak atau kumpulan utama iaitu kumpulan pengadi selaku penepuk tar yang terdiri daripada golongan lelaki dan kumpulan pelenggok sebagai penyanyi dan penari yang juga daripada golongan lelaki. Perubahan telah berlaku di era 40-an dengan memperkenalkan watak mak inang sebagai penari dan penyanyi yang terdiri daripada golongan wanita. Sehingga hari ini, corak persembahan rodan telah banyak mengalami perubahan sama ada dari segi struktur organisasi, lagu dan juga cara persembahan.

Biasanya struktur kumpulan utama rodan adalah dibahagikan seperti berikut :

- 9 orang pengadi
- 12 orang pelenggok
- 5 orang mak inang

Bilangan pengadi, pelenggok dan mak inang biasanya tidak tetap dan biasanya ianya mengikut kesesuaian satu-satu majlis.



Pengadi, pelenggok dan mak inang dalam persembahan rodan

Kebiasannya, persembahan rodan dimulakan dengan kumpulan pengadi bersama pelenggok akan menyampaikan sebuah lagu pembuka pentas. Lagu yang sering digunakan ialah lagu selawat yang dipersembahkan dalam posisi duduk selama kira-kira lima belas minit. Setelah lagu pembukaan pentas dinyanyikan, lazimnya ketua pengadi akan memulakan persembahan dengan *Bismillahi Muala Nab Tadaina* iaitu sebuah bentuk zikir selepas lagu selawat dinyanyikan. Kemudian para pengadi akan mengulangi fasa ini sambil disahut oleh pelenggok. Begitulah seterusnya di mana lagu-lagu berbentuk puji-pujian kepada Allah s.w.t dan Rasulullah s.a.w. yang dinyanyikan secara beramai-ramai oleh pelenggok sambil sesekali disahut oleh pengadi dengan iringan paluan rebana tar.

Paluan juga dikatakan mempunyai variasinya yang tersendiri di mana paluan perlahan ketika nyanyian atau lagu dipersembahkan, kuat dan cepat serta nyaring ketika berebana (tanpa nyanyian). Paluan rebana tar ini dinamakan cap. Cap terbahagi kepada dua iaitu cap panjang dan cap pendek. Cap panjang merupakan lapan paluan secara terus menerus kemudian berhenti seketika kemudian disambung semula dan rentak atau paluan ini dipalu mengiringi lagu rodan bernada lembut dan lunak. Cap pendek pula adalah

paluan dua atau empat kali kemudian berhenti untuk seketika sebelum disambung kembali dan cap ini biasanya digunakan untuk mengiringi lagu rodat bernada tinggi dan cepat.



Pengadi menepuk tar

Setelah selesai enam fasa, mak inang yang bersedia di belakang pentas ini akan masuk menyampaikan persembahannya dengan mengalunkan lagu rodat dalam bentuk pantun yang berunsurkan kasih sayang dan pengajaran. Mak inang akan masuk berpantun untuk jangka masa 10 hingga 15 minit dan struktur kedudukan mak inang adalah berada dalam keadaan berbaris iaitu berada antara barisan pengadi dan pelenggok. Apabila mak inang memulakan pantun, pengadi akan mengiringinya dengan paluan tar sementara dalam institusi yang sama pelenggok akan mula melenggok badannya mengikut rentak lagu dan paluan tar.

Dalam situasi pelenggok menyahut pantun daripada mak inang, mak inang akan terus menari dengan paluan tar yang agak rancak dan kuat. Begitulah seterusnya situasi berbalas-balas pantun antara mak inang dengan pelenggok berserta pengadi berdasarkan kepada rentak dan jenis lagu yang disampaikan.

TARIAN

Pergerakan tarian dalam seni persembahan rodat pada umumnya merangkumi beberapa peringkat atau fasa berasaskan dua pergerakan utama iaitu bergerak maju ke hadapan dan undur ke belakang dengan membawa pergerakan tangan, kaki dan badan. Pergerakan rodat menegaskan bahagian

tangan dan kaki. Pergerakan tangan tidak sehalus atau serumit pergerakan makyung atau joget gamelan. Peringkat pergerakan dalam gerak tari persembahan rodan melibatkan pergerakan duduk dan berlutut, pergerakan percantuman atau gabungan antara keadaan duduk dan berdiri, serta pergerakan dalam berdiri sahaja. Tetapi tiap-tiap satu peringkat bermula serta berakhir dengan pergerakan duduk atau berlutut.



Pelenggok menari mengikut paluan tar



Pergerakan maju dan undur



Pergerakan duduk berlutut



Gabungan antara pergerakan tangan dan kaki



Pergerakan tangan

Pergerakan tangan ke hadapan dan ke atas sambil menggulungkan jari dan sesekali bergerak secara berpasangan-pasangan, digabung dengan pergerakan melenggok dan melenggangkan badan oleh pelenggok dan mak inang yang mempunyai nilai estetika yang tinggi memeriahkan lagi persembahan rodan.

Oleh itu, dapatlah dikatakan bahawa pergerakan tarian dalam rodan adalah hasil gabungan beberapa pergerakan asas dalam berbagai-bagai bentuk dan cara yang diilhamkan serta berpandukan sepenuhnya daripada seni tarian tradisional Melayu.

LAGU RODAN

Persembahan seni rodan dikatakan mempunyai 50 hingga 60 jenis lagu, namun pada suatu ketika dahulu antara lagu yang masih popular dimainkan sehingga kini yang terkandung di dalam kitab hadrah adalah seperti berikut :

- *Ya Hayyum Ya Qayyum*
(Nama-nama Tuhan yang menghidupkan)
- *Allah La illa ha illallah*
(Tiada Tuhan yang disembah melainkan Allah)
- *La illa ha illa Ya Karim*
(Tidak ada Tuhan melainkan Engkau)
- *Ya Rasul Ya Rasulallah*
(Wahai Rasul, wahai persuruh Allah)
- *Zikri Nabi Al-Mukhtar*
(Nabi yang terpuji)
- *Sillatullah*
(Hubungan dengan Allah)

Pada awal penubuhan kumpulan rodan, lagu-lagu yang dipersembahkan pada umumnya hanyalah berbentuk puji-pujian kepada Allah s.w.t serta Nabi dan Rasulallah s.a.w. Senikata lagu-lagunya pula dinyanyikan di dalam bahasa Arab. Pada ketika itu struktur kumpulan rodan yang ada terdiri daripada kaum lelaki sahaja bersesuaian dengan apa yang ingin disampaikan melalui lagu-lagu dalam persembahan rodan tadi. Berikut adalah satu daripada senikata sebuah lagu berbahasa Arab di antara yang popular masa kini :

*Ya La Mu Yahayun
Muyya La Na Qayyum
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya
Ni Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia*

Selain mesej puji-pujian kepada Allah s.w.t dan Rasul, mesej berunsur dakwah, panduan hidup serta tuntutan Islam terhadap manusia sebagai khalifah di muka bumi, unsur pengajaran, nasihat dan sebagainya juga terkandung di dalam mesej berbentuk lagu di dalam persembahan rodan. Ini dapat dilihat daripada salah satu nyanyian lagu rodan yang terkandung di

dalam kitab hadrah sebagai lagu permulaan persembahan yang dinyanyikan selepas lagu selawat (pembukaan pentas) sebagaimana di bawah :



Maksudnya adalah lebih kurang berikut :

Tuhanku sesungguhnya aku memohon dengan namaMu yang Agung dan ketinggian DarjatMu yang Mulia, penuhilah segala permintaan kami terhadapMu.

Dengan nama Allah Maha Pelindung, kami mulakan, segala puji-pujian di atas nikmatMu Tuhan sekalian alam

Kami berhubung denganMu setiap perkara, agar dikumiakan limpahan kebaikan Tuhan sekalian alam

Dan dengan nama-namaMu yang terungkap di dalam Nas (Al-Quran), di sebalik yang terselindung itu menyimpan segala kebaikan dan kebenaran.

Dengan setiap kita yang dinuzulkan oleh-Nya jua, Dan Al-Quran sebagai penawar buat orang mukmin semua.

Dan di puncak yang sunyi, kami berhubung denganMu agar dikumiakan ketenangan, kerana inilah tradisi yang diamalkan oleh nabi-nabi dan rasul-rasul kami.

Dan ahli keluarga dan sahabat-sahabat semuanya, kami berhubung serta mengikut segala petunjuk pada tabi'in segalanya.

Setiap golongan pemerintah itu kami berseru, setiap yang diramal itu Allah jua yang mengetahui segalanya.

Dan para ulama itu Pesuruh Allah, kami muliakan, apatah lagi setiap wali dan para salihin.

Dan khususnya buat imam-imam yang menyebarkan kebenaran, gambaran dan darjat yang tinggi buat Islam (agama).

Dan disusun ajaran itu dengan susunan yang kukuh, dan dikumpulkan syariat itu agar dikekalkan selamanya.

Nyanyian lagu berbahasa Arab yang didendangkan adalah melibatkan paduan suara antara pengadi dan pelenggok. Struktur dan rentak nyanyian ini pada dasarnya masih dikekalkan hingga ke hari ini.

Namun perubahan masa telah menyaksikan banyak kisah-kisah di dalam lagu ini mengalami pengubahsuaian demi mengikut tuntutan para penonton yang menyaksikan persembahan rodan. Bentuk penyampaian juga turut ditambah dengan pantun-pantun Melayu dan menjadi sebahagian daripada agenda di dalam sesuatu persembahan rodan. Bentuk pantun Melayu ini dikatakan mula diperkenalkan bersama-sama watak mak inang iaitu pada tahun 1940-an.

Situasi berbalas pantun lazimnya berlaku dalam dua keadaan. Pertamanya, situasi berbalas-balas pantun antara kumpulan pengadi, pelenggok dan mak inang manakala situasi kedua berlaku hanya melibatkan kumpulan pelenggok dan mak inang sahaja.

Pantun-pantun yang disampaikan biasanya berbentuk pantun empat kerat di mana rangkap-rangkap pantun yang disampaikan ada hubungkaitnya dengan tempat-tempat yang menarik dan bersejarah di negeri Terengganu khususnya. Di samping itu juga, apa yang lebih penting adalah mesej-mesej yang ingin disampaikan adalah berunsurkan pengajaran, nasihat, teguran dan jenaka. Hingga kini persembahan rodan telah diteruskan dengan persembahan pantun-pantun Melayu dan para pemuisi terkenal di Terengganu turut menyumbangkan puisi pantun untuk persembahan rodan.



Pelenggok mendendangkan lagu dalam persembahan rodan

Biasanya dalam satu-satu persembahan rodan terdapat tiga segmen utama iaitu segmen permulaan, pertengahan dan penutup.

Pada segmen permulaan, ianya akan dimulakan oleh pengadi di mana sambil menepuk tar mereka mendendangkan lagu dan disambut oleh pelenggok secara bergilir-gilir dan bersahut-sahutan dan akan diikuti dengan zikir petikan dari kitab hadrah sebagaimana berikut :

*Muala Sola... ..Tullah
Ya Lahu Alla Ya La Ahadi
Allah Ya La Ahami
Ya Allah Ya Hamila
Ya Allah Ya Rasulullah
Muala Ima... Imamula a
Ya Lahabi Ya Iwal Mu Ala Rasalli
Ya Allah Salilla
Ya Allah Ya Rasulullah
Ya La Mu Yahayun.,...
Muyya... La Na Qayyum...
Mu Yahaye... Allah Q'alu La Bitaya
Ni... Ashallilana... Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa... Ladunia*

Pelenggok

*Hai burung jelatuklah burunglah selaseh (2x)
Kai pohon keladi di dalamlahjambangan... Ya Allah (2x)*

*Terima kasih kepadalah yang Dato (2x)
Kerana sudi memberilah sumabangan... Ya Allah (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun....
Muyya... La Na Qayyum...
Mu Yahaye... Allah Qalu La Bitaya
Ni... Ashallilana... Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa... Ladunia*

Pelenggok

*Tidaklah sebak (2x) jika terkenang (2x)
Airlah yang mata gugur berlinang (2x)
Karam di laut (2x) dapat ku kenang (2x)
Karam di hati ... amboilah sayang... bila nak senang (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun....
Muyya... La Na Qayyum...
Mu Yahaye... Allah Qalu La Bitaya
Ni... Ashallilana... Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa... Ladunia*

Pelenggok

*Kalaulah ada (2x) jarum yang patah (2x)
janganlah disimpan di dalam peti (2x)
Kalaulah ada (2x) silap sepatah (2x)
Harap janganlah disimpan..amboilah sayang..di dalam hati (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun...
Muyya... La Na Qayyum....
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya
Ni... Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia*

Pelenggok

Tebang tebu (2x) tanam selaseh (2x)
Ala pergilah ke pasar... amboilah sayang... membeli benang (2x)
Sudah bertemu (2x) bersama kasih (2x)
Hai perut yang lapar... amboilah sayang... menjadi kenyang (2x)

Mak Inang

Ya La Mu Yahayun....
Muyya La Na Qayyum....
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya
Ni Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa... Ladunia

Pelenggok

Linanglah linang (2x) sibuah jagung (2x)
Ala marilah nak kembang dalam belulang (2x)
Kasihlah abang (2x) berat ku tanggung (2x)
Hai sampailah ke mati.. amboilah sayang.. rasa tak hilang (2x)

Mak Inang

Pada segmen kedua atau pertengahan juga akan dimulakan oleh pengadi dan disambut oleh pelenggok, tetapi perbezaannya adalah di akhir segmen ini menyaksikan penyertaan mak inang yang akan menari dan menyanyi lagu diiringi paluan tar oleh pengadi dan disambut oleh pelenggok dengan lagu sebagaimana berikut :

Ya La Mu Yahayun....
Muyya La Na Qayyum....
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya
Ni... Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa... Ladunia

Lagu berikutnya merupakan zikir petikan daripada kitab hadrah. Seterusnya diikuti dengan ungkapan sebagaimana di bawah :

Shakyka Bi nabab Bima Ya Ulana
Di Allah Kari Ya Muala..Saya La Disana
Wasala di Kiya Bima Ya La Ulana
Hadi Allah Wa Wa... Saliu Ya Rasulullah

Lagu berikutnya merupakan zikir petikan daripada kitab hadrah. Seterusnya diikuti dengan ungkapan sebagaimana di bawah :

*Muhammadun Madun Solililah... Madun Sollilah
Ya Allah... Madun Sollilah
Rasulun Madun Sollilah... Madun Sollilah
Ya Allah... Madun Sollilah*

Lagu berikutnya merupakan zikir petikan daripada kitab hadrah.

Persembahan berikutnya akan diteruskan dengan nyanyian lagu yang berbentuk pantun oleh mak inang dan disambut oleh pelenggok secara bergilir-gilir diiringi paluan tar oleh pengadi. Bentuk pantun (lagu) yang disampaikan oleh mak inang adalah seperti berikut :

*Hai mudik ke hulu bersamalah yang lah rakit (2x)
Sambil merakit memancinglah ikan toman... ya Allah
Negara lah cantik budaya lah yang menarik (2x)
Itulah tanda Terengganu lah Darul Iman... Ya Allah (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun....
Muyya... La Na Qayyum....
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya
Ni Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia*

Pelenggok

*Hai jikalau tuan pergi lah yang ke Dungun (2x)
Hai belikan saya lah tuan bunga kemboja (2x)
Jikalau tuan mati lah dahulu (2x)
Nantikan saya lah di pintu lah syurga (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun.....
Muyya La Na Qayyum...
Mu Yahaye Allah Qalu La Bitaya*

*Ni Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia
Pelenggok*

*Putik lah pauh (2x) delima batu (2x)
Hai anak lah sembilan amboi lah sayang di tapak tangan (2x)
Duduklah jauh (2x) negeri satu (2x)
Hilang lah di mata amboi lah sayang di hati jangan (2x)*

Mak Inang

*Ya La Mu Yahayun....
Muyya La Na Qayyum....
Mu Yahaye... Allah Qalu La Bitaya
Ni Ashallilana Lana Ladihama
Bia Duniwa, Allah Niwa Ladunia
Pelenggok*

Pada segmen ketiga adalah segmen penutup dan biasanya didendangkan lagu Anak Ayam oleh pengadi dan disambut oleh pelenggok sebagaimana berikut :

*Anak ayam turun sebelas
Matilah satu tinggal sepuluh
Bagaimana hati tak belas
Menyelak fajar waktulah subuh*

*Anak ayam turun sepuluh
Matilah satu tinggal sembilan
Menyelak fajar waktulah subuh
Ambillah wudhu lalu sembahyang*

*Anak ayam turun sembilan
Matilah satu tinggal lapan
Ambillah wudhu lalu sembahyang
Mintalah doa kepada Tuhan*

*Anak ayam turunlah lapan
Matilah satu tinggalah tujuh*

*Mintalah doa kepada Tuhan
Minta tertutuplah neraka tujuh*

*Anak ayam turunlah tujuh
Matilah satu tinggalah enam
Minta tertutuplah neraka tujuh
Minta lepaskan neraka jahanam*

*Anak ayam turunlah enam
Matilah satu tinggalah lima
Minta lepaskan neraka jahanam
Minta mati dalam agama*

*Anak ayam turunlah lima
Matilah satu tinggalah empat
Minta mati dalam agama
Minta tunjuk jalan makrifat*

*Anak ayam turunlah empat
Matilah satu tinggalah tiga
Minta tunjuk jalan makrifat
Minta terbukalah pintu syurga*

*Anak ayam turunlah tiga
Matilah satu tinggalah dua
Minta terbukalah pintu syurga
Syurga bernama jannatul makwa*

*Anak ayam turunlah dua
Matilah satu tinggalah yang satu
Syurga bernama jannatul makwa
Minta terbuka segala pintu*

*Anak ayam turunlah satu
Satu mati habishlah ghaib
Minta terbuka segala pintu
Di situ tempat saya nak balik*

Persembahan rodan akan diakhiri dengan lagu sebagaimana berikut:

*Ya Allah Ya Rahmat
Nabi Kita Nabi Akhir Zaman
Nabi Beranak Malam Isnin
Rabiul Awal Bulan Purnama*

PERALATAN

Untuk mengiringi satu-satu persembahan rodan, kumpulan pengadi akan menggunakan sejenis alat muzik yang dikenali sebagai tar rodan. Bentuk tar rodan ini seakan-akan rebana hadrah. Namun tar rodan ini lebih kecil sedikit berbanding dengan rebana. Tar diperbuat daripada sejenis kayu yang dikenali sebagai kayu leban. Manakala bahagian permukaan yang dipalu pula dihasilkan daripada kulit kerbau.



Tar alat muzik dalam persembahan rodan

Kulit kerbau yang digunakan mestilah berusia sekurang-kurangnya tiga tahun. Kulit kerbau akan diletakkan di permukaan tar dan diikat dengan lilitan aluminium atau kuprum dan dipaku sekelilingnya menggunakan sejenis tembaga yang dipanggil kendit.

Di sekeliling bingkai atau baluhnya pula terdapat tiga pasang kepingan tembaga yang turut menghasilkan bunyi dikenali sebagai kerincing atau caping. Ukuran lilit bagi sesebuah tar rodan biasanya adalah di antara 25 cm hingga 30 cm.

Untuk menghasilkan bunyi tepukan tar rodak yang baik, sejenis rotan kecil yang dipanggil sedak akan diletakkan antara tar dan bingkai tar. Bunyi yang rendah akan dikeluarkan apabila bahagian tengah tar dipalu, manakala bunyi yang tinggi juga dikenali sebagai gemercing akan terhasil apabila bahagian tepi tar dipalu. Dalam persembahan rodak, setiap kumpulan muzik rodak memerlukan sekurang-kurangnya tujuh buah tar rodak yang masing-masing memainkan pelbagai rentak yang disesuaikan dengan bentuk lagu yang disampaikan.

PAKAIAN

Di zaman awal kemunculan kumpulan rodak, soal yang berhubungkait dengan bentuk pakaian para pemain tidak dititikberatkan. Setiap pemain rodak bebas berpakaian tetapi kebiasaannya kumpulan pelenggok dan pengadi mengenakan baju melayu sementara mak inang berbaju kebaya.

Namun demikian, perubahan masa turut merubah pandangan dan citarasa penerus kesenian tersebut. Pakaian telah cuba diseragamkan terhadap pelenggok, pengadi dan juga mak inang daripada segi bentuk, warna, fabrik dan corak. Antara lainnya adalah bertujuan untuk menampakkan penonjolan selain menjadi daya tarikan orang ramai terhadap persembahan itu sendiri.

Bagi pakaian wanita (mak inang), kebiasaannya mengenakan baju kurung atau baju kebaya. Manakala bentuk pakaian lelaki pula yang terdiri daripada pelenggok dan pengadi sejak awalnya hinggalah sekarang adalah berbaju melayu, bersongkok serta dikenakan sampung samada kain tenun atau songket ataupun berbaju batik. Apa yang menjadi perbezaan antara dahulu dan sekarang adalah hanya daripada segi jenis fabrik yang digunakan.

Kumpulan mak inang tidak mengenakan sebarang penutup kepala tetapi mengenakan hiasan dan tidak dikhususkan kepada fesyen tertentu. Kebiasaannya, bagi kelihatan kemas dan menarik, rambut kadang kala disanggul atau diikat kemudian dihias sederhana.

Namun demikian, jika dilihat daripada pandangan Islam, terdapat sedikit ketidaksesuaian daripada segi penampilan berpakaian yang dikenakan oleh kumpulan mak inang dengan mesej yang ingin disampaikan iaitu berbentuk

pujian-pujian kepada Allah dan Rasul. Keadaan ini menyebabkan kebanyakan kumpulan rodan yang ada pada masa kini berpegang pada corak persembahan asal yang hanya melibatkan kumpulan pelenggok dan pengadi sahaja di dalam mengadakan sesuatu persembahan.

Menyentuh mengenai ciri-ciri fabrik yang digunakan pula, kebiasaannya, setiap kumpulan membuat pilihan fabrik istimewa yang ada dalam pasaran semasa. Antara yang popular dan sering digunakan adalah seperti kain kasa berhias benang emas, kain jersey, satin, fabrik berhias (pelbagai corak), fabrik lembut dan sebagainya.

Kebiasaannya juga, fabrik yang memiliki warna yang menyerlah dijadikan antara pilihan utama yang berfungsi untuk menarik perhatian penonton. Bagi sesetengah kumpulan rodan, ada yang menggunakan alat-alat hiasan tambahan agar kelihatan lebih kemas dan menarik seperti menggunakan sapu tangan pelbagai warna dan lain-lain hiasan lagi.



Salah satu kumpulan rodan yang masih aktif

PENUTUP

Warisan kesenian rodan telah meniti satu zaman pertumbuhan, perkembangan serta perubahan yang amat panjang, iaitu lebih daripada satu abad yang lalu. Ciri-ciri keunikan rodan yang tersendiri sememangnya sukar ditandingi, apatah lagi jika hendak dibandingkan dengan kesenian moden hari ini. Justeru, tidak hairanlah jika persembahan rodan masih bertahan serta masih mendapat tempat di hati segenap lapisan masyarakat khususnya di negeri Terengganu Darul Iman hingga ke saat ini.



Pendedahan seni persembahan rodan kepada generasi baru

Tidak keterlaluan juga jika disimpulkan bahawa rodan boleh kembali menjenguk zaman gemilangnya seperti dahulu jika ada benih kesedaran oleh pelbagai pihak terhadap pengisian sebenar kesenian tersebut. Sumbangan rodan dalam konteks sosial bukanlah kecil, malah ia banyak menjana ke arah kesempurnaan dalam kehidupan yang juga harus dilihat dan dinilai oleh semua pihak secara positif.

Diterbitkan oleh:

Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan
Bahagian Pembangunan Kebudayaan dan kesenian
Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Malaysia. 2003